

SIHAT

BERUBAT DENGAN 'RACUN'

Risiko paling besar ialah rawatan tidak berkesan sehingga penyakit kronik tidak terkawal

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediapnma.com.my

Pengambilan ubat tiruan bukan sahaja membabitkan isu penipuan, sebaliknya ancaman senyap yang boleh menggagalkan rawatan dan meragut nyawa.

Pesakit mungkin merasakan mereka sudah patuh mengambil ubat setiap hari, namun hakikatnya produk tidak sah itu gagal melindungi organ penting.

Pakar Klinikal Kardiologi dan Pensyarah Perubatan Dalam Universiti Putra Malaysia Dr Raja Abdul Wafy Raja Muhammad Roosbdi berkata, risiko paling besar ialah rawatan menjadi tidak berkesan atau dos tidak tepat sehingga penyakit kronik tidak terkawal.

Kata beliau, penyakit paling berisiko jika pesakit mengambil ubat tiruan ialah darah tinggi, kolesterol tinggi, jantung koronari terutama pesakit stent, atrial fibrillation serta diabetes.

"Tekanan darah yang kekal tinggi boleh membawa kepada angin ahmar dan kegagalan jantung manakala kolesterol tidak terkawal meningkatkan risiko serangan jantung.

"Jika ubat cair darah tidak berfungsi, stent boleh tersumbat dan menyebabkan serangan jantung mengejut.

"Ada juga ubat tiruan mengandungi bahan

tidak sesuai yang boleh merosakkan hati dan buah pinggang serta menyebabkan aritmia atau pendarahan," katanya.

Menurut Dr Raja Abdul Wafy, penyakit seperti darah tinggi dan kolesterol selalunya 'senyap' tanpa gejala ketara sehingga menyebabkan pesakit rasa sihat sedangkan kerosakan salur darah berlaku perlahan-lahan sebelum berakHIR dengan angin ahmar atau serangan jantung.

"Kesan paling teruk termasuk serangan jantung, angin ahmar, kematian mengejut, aritmia berbahaya dan kerosakan buah pinggang atau hati akibat toksin yang tidak diketahui kandungannya," katanya.

Dr Raja Abdul Wafy berkata, dalam amalan klinikal, kecurigaan terhadap ubat tiruan timbul apabila pesakit mendakwa patuh mengambil ubat, namun bacaan tekanan darah, gula atau kolesterol masih teruk walaupun dos sudah memadai.

"Ada ubat tiruan yang kelihatan berkesan pada awalnya kerana mengandungi sedikit bahan aktif atau campuran steroid, tetapi dalam jangka panjang, ia tidak melindungi organ dan boleh memburukkan keadaan.

"Ada juga kes perubahan mendadak yang sebelum ini terkawal, tetapi tiba-tiba tidak terkawal tanpa sebab jelas atau kesan sampingan yang pelik selain tidak selari dengan ubat sebenar," katanya.

Justeru, Dr Raja Abdul Wafy menasihati masyarakat supaya membeli ubat hanya melalui saluran sah seperti klinik, hospital atau farmasi berdaftar, menyemak nombor pendaftaran MAL serta tidak mudah terpengaruh dengan iklan 'ubat ajaib' atau janji sembuh cepat tanpa pengawasan doktor.

Sementara itu, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) Prof Amrahi Buang berkata, ubat tiruan paling kerap dikaitkan dengan produk gaya hidup dan penyakit kronik terutama ubat perangsang seks (mati pucuk), produk penurunan berat badan serta ubat penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kolesterol.

"Faktor kos rawatan mahal selain permintaan tinggi dan faktor mahu rawatan segera atau secara rahsia menjadikan golongan ini sasaran utama sindiket.

"Kebanyakan pengeluar haram kini menggunakan teknologi percetakan moden bagi menghasilkan kotak dan risalah yang hampir menyerupai produk tulen termasuk warna, fon, logo serta nombor pendaftaran palsu.

"Malah, sebahagian sindiket turut memanipulasi platform media sosial dengan menggunakan testimoni palsu, gambar sebelum dan selepas serta dakwaan 'kelulusan luar negara' bagi meyakinkan pembeli," katanya.

FOTO: IHSAN DR RAJA ABUL WAFY, PROF AMRAHI BUANG DAN PENYELI



Pengeluar haram kini menggunakan teknologi percetakan moden bagi menghasilkan kotak dan risalah yang hampir menyerupai produk tulen

PROF AMRAHI



Ada juga ubat tiruan mengandungi bahan tidak sesuai yang boleh merosakkan hati dan buah pinggang serta menyebabkan aritmia atau pendarahan

DR RAJA ABDUL WAFY



DAPATKAN nasihat dan preskripsi doktor atau pakar bertauliah

Amrahi berpandangan, undang-undang sedia ada seperti Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 perlu diperkukuh bagi menangani cabaran penjualan dalam talian yang semakin kompleks.

"Walaupun kerangka undang-undang bertujuan melindungi pengguna, semakan semula denda dan hukuman penjara lebih berat diperlukan bagi menghalang pengilang dan penjual ubat tiruan terutama di platform dalam talian," katanya.

Amrahi menegaskan, keburukan membeli ubat daripada sumber tidak berlesen dalam talian berisiko tinggi kerana produk mungkin tidak mempunyai bahan aktif yang betul, dicemari racun atau langsung tidak berkesan, sekaligus menyebabkan kegagalan rawatan dan risiko kematian.

"Ada juga yang mengandungi bahan

kimia berlebihan atau bahan terlarang seperti sibutramine, sildenafil serta logam berat yang boleh memudaratkan kesihatan," katanya.

Amrahi berkata, pengguna perlu menyemak ciri kesahihan produk berdaftar melalui laman web Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) terlebih dahulu.

"Produk berdaftar akan mempunyai nombor MAL unik, contohnya bermula dengan 'MAL' diikuti lapan digit dan huruf.

"Selain itu, pastikan kewujudan hologram keselamatan FarmaTag pada pembungkusan. Ia mempunyai ciri visual tertentu yang sukar dipalsukan dan boleh disahkan melalui aplikasi berkaitan.

"Periksa label dengan teliti, elakkan produk terlalu murah dan beli hanya di farmasi atau premis berlesen. Jika ragu, hubungi Cawangan Penguatkuasaan Farmasi," katanya.

INFO:

1 Semak ciri kesahihan produk berdaftar melalui laman web Bahagian Regulatori Farmasi Negara sebelum membeli ubat.

2 Produk berdaftar memiliki nombor MAL unik. Contoh, ia bermula dengan 'MAL' diikuti lapan digit dan huruf.

3 Penyakit paling berisiko jika mengambil ubat tiruan ialah darah tinggi, kolesterol tinggi, jantung koronari terutama pesakit stent, atrial fibrillation serta diabetes.

4 Ubat tiruan paling mendapat perhatian ialah ubat perangsang seks (mati pucuk), produk penurunan berat badan, ubat penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kolesterol.



SEMAK label pengesahan ubat bagi mengelak risiko kemudoratan kesihatan akibat makan ubat tiruan